

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

NEW STRAITS TIMES M/s 3 NATION 13/3/2025 (KHAMIS)

TWO RAIDS

BIRTH CERT FRAUD UNCOVERED

MACC arrests 16 in case it describes as 'selling out our country'

AUSTIN CAMOENS
KUALA LUMPUR
austin@nst.com.my

GRAFT-BUSTERS arrested 16 people suspected of corruption linked to birth registrations on Tuesday in a case the Malaysian Anti-Corruption Commission chief commissioner described as "selling out our country".

Tan Sri Azam Baki said swift action was necessary to detain the 16.

He likened the acts of the suspects as selling out the country, as some of the birth registrations were for children who were not entitled to citizenship.

Azam told the *New Straits Times* that MACC believed that all the individuals involved in the case had been arrested.

"Our investigation was launched following the two operations on Tuesday. We will know more as the probe progresses.

"We are not only looking at offences under the MACC Act 2009, but will also analyse the National Registration Department's (NRD) processes."

He said the probe would look into weaknesses in the NRD's processes.

"We will sit down with the NRD director-general once we have concluded our investigations and have our findings."

Earlier, MACC Deputy Chief Commissioner (Operations) Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya said 16 suspects were de-



Four of the suspects detained by the Malaysian Anti-Corruption Commission. PIC FROM MACC

tained following raids under Op Outlander and Op Birth on Tuesday.

The raids targeted clinics and law firms in the Klang Valley and Johor.

The scheme involved late birth registrations of non-citizens as citizens, as well as birth registration using fake documents.

Under Op Outlander, the primary suspect is a civil servant accused of aiding birth registrations for those born more than 60 days after their birth dates.

Khusairi said the operation revealed the involvement of a medical practitioner with a Datuk Seri title who owns clinics and maternity centres.

This doctor allegedly facilitated the issuance of fraudulent birth documents.

Under Op Birth, three suspects believed to be agents were said to have bribed a public servant with about RM18,000 in exchange for assistance in processing birth

registrations using fake supporting documents, such as counterfeit hospital birth certificates.

Six people were arrested for allegedly using these agents to submit fraudulent birth registration applications.

A lawyer, suspected of acting as an intermediary between the agents and applicants, was also detained.

The 16 suspects, aged 20 to 70, were arrested between 11am and 8pm.

They were taken to the MACC headquarters and the Selangor MACC office for questioning.

Four suspects, including the Datuk Seri, were released on MACC bail after their statements were recorded due to health issues.

The raids were the result of a year of intelligence gathering and cooperation between MACC and NRD.

Khusairi said the arrests highlighted MACC's commitment to

fighting corruption, particularly in the public service, to protect national security.

MACC yesterday obtained remand orders against 12 suspects.

Two of them, men aged 20 to 40, were ordered to be detained until March 15 and 16.

The order was granted by Putrajaya magistrate Irza Zulaikha Rohanuddin.

In Shah Alam, 10 suspects, including six women aged 20 to 50, were remanded until March 16.

This order was issued by magistrate Ameera Mastura Khamis.

Khusairi said the case was being investigated under Section 17(a) and 17(b) of the MACC Act 2009.

Page 1 pix: (From top left) Some of the documents that were examined in the MACC raids; officers scrutinising documents; and, four of the 16 people who were arrested by the graft-busters.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MJS D/NEGERI 13/3/2025 C(KHAMIS)

Doktor bergelar Datuk Seri antara ditahan rasuah daftar kelahiran

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Seramai 16 individu termasuk seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara.

Ini termasuk mendaftarkan kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, penahanan itu susulan *Op Out-*

lander dan *Op Birth* yang dilancarkan semalam membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Katanya, bagi *Op Outlander*, suspek utama merupakan pengjawat awam disyaki melakukan perbuatan tersebut dengan membantu pendaftaran lewat kelahiran sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Dipercayai kegiatan itu turut didalangi oleh seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin berperanan mengeluarkan do-

kumen pengesahan kelahiran palsu.

"Untuk *Op Birth* pula, tiga suspek utama disyaki sebagai ejen melakukan perbuatan tersebut dengan menawar dan memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang pengjawat awam bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran.

"Ia dengan menggunakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya semalam.

Sementara itu, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemo-

hon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

Turut ditahan seorang pengamal undang-undang disyaki sebagai orang tengah di antara ejen dan pemohon.

"Seramai 16 suspek berusia antara 20 hingga 70-an telah ditahan antara pukul 11 pagi hingga 8 malam dan kesemua dibawa ke Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Selangor bagi membantu siasatan.

"Mereka akan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor esok bagi tujuan permohonan reman," katanya.

Menurutnya, dua suspek termasuk bergelar Datuk Seri yang mempunyai masalah kesihatan dilepaskan dengan jaminan

SPRM apabila selesai dirakam percakapan.

"Serbuan dilakukan semalam adalah berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira setahun serta kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)," katanya.

Ahmad Khusairi berkata, penangkapan ini mencerminkan komitmen teguh SPRM dalam memastikan usaha memerangi rasuah khususnya yang melibatkan perkhidmatan awam demi memastikan aspek keselamatan negara terjamin.

Kata beliau lagi, kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

Rasuah daftar lewat kelahiran bukan warga negara kepada warganegara

SPRM tahan 16 individu termasuk doktor, peguam

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahan 16 individu termasuk dalangnya yang juga seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri dan seorang peguam disyaki orang tengah kerana terbabit rasuah pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warga negara serta mendaftarkan kelahiran guna dokumen sokongan palsu.

Oleh Nor Azizah Mokhtar → Nasional 6



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN M/S 6 NASIONAL 13/3/2025 (KHAMIS)

16 kena tahan disyaki rasuah daftar sijil lahir warga asing

Semua suspek ditahan dalam serbuan Op Birth, Op Outlander sekitar Lembah Klang dan Johor

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 16 individu kerana disyaki terbahagi rasuah pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata kesemua suspek berusia antara 20 hingga 70-an ditahan dalam beberapa serbuan menerusi Op Outlander dan Op Birth ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor, semalam.

Beliau berkata, serbuan itu dibuat hasil risikan selama kira-kira setahun dengan kerjasama dan perkongsian maklumat di an-



Antara suspek yang ditahan reman kes rasuah pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara.

tara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Bagi Op Outlander, suspek utama adalah penjawat awam disyaki melakukan perbuatan itu dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu untuk yang melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Kegiatan ini dipercayai turut didalangi seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin. Individu itu berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ejen jawan beri rasuah

Ahmad Khusairi berkata, untuk Op Birth pula, tiga suspek utama yang

ditahan disyaki berperanan sebagai ejen yang menawarkan dan memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam.

Katanya, penjawat itu berperanan membantu permohonan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu.

"Sementara itu, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

"Turut ditahan seorang pengamal undang-undang disyaki sebagai orang tengah di antara ejen dan pemohon," katanya.

Ahmad Khusairi berkata, dua suspek termasuk lelaki bergelar Datuk Seri yang mempunyai masalah kesihatan dilepaskan dengan jaminan SPRM apabila selesai dirakam percakapan.

"Kes disiasat mengikut Seks-

yen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009," katanya.

Beliau berkata, tangkapan ini mencerminkan komitmen teguh SPRM dalam memastikan usaha memerangi rasuah khususnya membabitkan perkhidmatan awam demi memastikan aspek keselamatan negara terjamin.

Sementara itu, 12 individu terbahagi ditahan reman bagi membolehkan siasatan lanjut kes berkenaan.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan SPRM menahan reman dua lelaki berusia 20 dan 40-an selama empat hari sehingga 15 Mac ini.

Di mahkamah berasingan, Majistret Ameera Mastura Khamis, turut membenarkan permohonan SPRM menahan reman 10 lagi individu iaitu empat lelaki dan enam wanita berusia 20 hingga 50-an selama lima hari sehingga 16 Mac ini.



Ahmad Khusairi

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/s 2 NASIONAL 13/3/2025 (KHAMIS)

Doktor antara 16 ditahan SPRM

Terbabit rasuah daftar kelahiran warga asing sebagai warganegara

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 16 individu kerana disyaki terlibat rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara tetapi ditukar menjadi warganegara, serta pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, SPRM telah melancarkan Op Outlander dan Op Birth pada Selasa, membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik serta firma guaman di sekitar Lembah Klang dan Johor.

Bagi Op Outlander, beliau berkata, suspek utama merupakan penjawat awam disyaki melakukan perbuatan tersebut dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu kes yang



Dua pegawai SPRM bertanyakan sesuatu kepada seorang petugas di sebuah klinik dalam serbuan di Lembah Klang dan Johor menerusi serbuan Op Outlander dan Op Birth pada Selasa.



melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Dipercayai kegiatan ini turut didalangi oleh seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin yang berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu.

"Untuk Op Birth, tiga suspek utama disyaki sebagai ejen melakukan perbuatan tersebut dengan menawarkan dan memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Sementara itu menurutnya, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

Tambahnya, seorang pengamal undang-undang turut ditahan kerana disyaki bertindak sebagai orang tengah

antara ejen dan pemohon.

"Seramai 16 suspek berusia lingkungan 20 hingga 70-an telah ditahan antara jam 11 pagi hingga 8 malam pada Selasa.

"Kesemua yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Selangor bagi membantu siasatan," ujarnya.

Kata beliau, empat lagi suspek melibatkan seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang turut ditahan

dalam dua operasi berkenaan telah dilepaskan dengan jaminan SPRM atas faktor kesihatan dan selepas keterangan mereka selesai dirakam.

Katanya, serbuan yang dilakukan pada Selasa adalah berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira setahun serta kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sementara itu, SPRM berjaya mendapat perintah reman selama empat dan lima hari terhadap 12 suspek, masing-masing dua di Mahkamah Majistret Putrajaya dan 10 individu lagi di Mahkamah Majistret Shah Alam. Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.



AHMAD KHUSAIRI



Antara dokumen yang diteliti pegawai SPRM. Foto: SPRM

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

www.kosmo.com.m



PENGUAT kuasa memeriksa sebahagian dokumen yang disyaki digunakan sindiket untuk mengeluarkan sijil kelahiran bayi dalam operasi di Lembah Klang dan Johor kelmarin.

Sindiket jual sijil lahir bayi

- **Datuk Seri antara 16 ditahan**
- **Rasuah RM18,000 kepada penjawat awam**

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

PUTRAJAYA – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 16 individu

termasuk seorang lelaki bergelar Datuk Seri kerana disyaki terlibat kes rasuah membabitkan urusan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Selain itu, rasuah turut melibatkan proses pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, penahanan itu dibuat menerusi

Op Outlander dan Op Birth kelmarin di beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Bagi Op Outlander, suspek utama melibatkan seorang penjawat awam yang disyaki melakukan perbuatan tersebut dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

»BERSAMBUNG DI MUKA 2

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Sindiket jual sijil lahir bayi



ANGGOTA penguat kuasa menahan 16 suspek termasuk seorang doktor bergelar Datuk Seri berhubung kes menjual sijil kelahiran dalam beberapa serbuan di sekitar Lembah Klang dan Johor kelmarin.

DARI MUKA 1

"Dipercayai kegiatan itu turut didalangi oleh seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu."

"Untuk Op Birth pula, tiga suspek utama disyaki sebagai ejen melakukan perbuatan tersebut dengan menawarkan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran."

"Ia dengan menggunakan dokumen sokongan seperti surat

pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya.

Sementara itu, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

Turut ditahan seorang pengamal undang-undang disyaki sebagai orang tengah di antara ejen dan pemohon.

"Seramai 16 suspek berusia antara 20 hingga 70-an telah ditahan di antara pukul 11 pagi hingga 8 malam kelmarin dan kesemua dibawa ke Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Selangor bagi membantu siasatan.

"Mereka akan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor esok (hari ini) bagi tujuan permohonan reman," katanya.

Katanya, dua suspek termasuk bergelar Datuk Seri yang mempunyai masalah kesihatan dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas selesai dirakam percakapan.

"Serbuan dilakukan semalam (kelmarin) adalah berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira setahun serta kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.



EJEN yang didalangi oleh tiga individu menawarkan bayaran RM18,000 kepada seorang penjawat awam untuk pendaftaran kelahiran.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO MIS7 LOKAL 13/3/2025 (KHAMIS)

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@mediapi-
ma.com.my

Risikan setahun!

Kuala Lumpur

Pengamal perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan SPRM disyaki terbabit rasuah pendaftaran kelahiran

Pengamal perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbabit rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, SPRM melancarkan Op Outlander dan Op Birth kelmarin, membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Menurutnya, bagi Op Outlander, suspek utama adalah penjawat awam dan dia disyaki melakukan perbuatan itu dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu untuk yang melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Dipercayai, pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa klinik dan pusat bersalin berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu.

"Bagi Op Birth pula, tiga suspek utama disyaki ejen melakukan perbuatan itu dengan menawarkan dan



PEGAWAI SPRM memeriksa dokumen dalam serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman di sekitar Lembah Klang dan Johor.

memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam.

"Ia bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan seperti

surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya pada kenyataan, semalam.

Ahmad Khusairi berkata, sementara itu, enam orang awam yang disyaki meng-

gunakan khidmat ejen terbabit turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

"Turut ditahan seorang pengamal undang-undang

disyaki berperanan sebagai orang tengah di antara ejen dan pemohon.

"Kesemua suspek yang berusia 20 hingga 70-an ditahan jam 11 pagi hingga 8 malam semalam (kelma-

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M39 NASIONAL 13/3/2025 (KHAMIS)

Perkhidmatan kesihatan asas perlu diberi sama rata

SHAH ALAM - Kerajaan perlu memastikan produk asas insurans kesihatan serta takaful yang akan dibangunkan secara bersama melibatkan beberapa agensi menyediakan akses perkhidmatan kesihatan asas sama rata kepada rakyat.

Naib Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Datuk Indrani Thuraisingham berkata, penekanan terhadap aspek itu perlu dibuat agar rakyat khususnya yang kurang berkemampuan dapat menikmatinya.

"Kita menyambut baik usaha yang diambil kerajaan ini kerana ia merupakan antara perkara yang Fomca berikhtumpuan memandangkan ia menjadi antara yang menjadi perhatian rakyat."

"Kerajaan dalam masa sama juga perlu menetapkan satu prosedur operasi standard (SOP) untuk kualiti supaya semua rakyat dapat menikmati apa yang ingin dilaksanakan kerajaan ini."

"Maksudnya perkhidmatan kesihatan asas atau paling minimum ini diberikan kepada semua tetapi untuk pilihan kemudahan seperti bilik yang lebih selesa oleh golongan berkemampuan dikenakan



INDRANI

caj berlainan," katanya kepada Sinar Harian pada Rabu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada Selasa dilaporkan berkata, Bank Negara (BNM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membangunkan produk asas insurans kesihatan dan takaful yang menekankan konsep penjagaan kesihatan berasaskan nilai.

Menurutnya, langkah itu juga antara beberapa usaha yang dikenal pasti bagi mengekang kenaikan premium Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHIT).

Indrani berkata, Fomca turut mencadangkan supaya jawatankuasa bagi mewujudkan produk asas insurans kesihatan yang akan dibangunkan kerajaan itu diletak di bawah Pejabat Perdana Menteri.

"Usaha ini penting supaya ia dapat dikawal selia oleh satu jawatankuasa yang boleh mengekang sebarang keputusan tidak adil atau membiarkan ia diurus oleh satu pihak secara bersendirian yang akhirnya akan menyebabkan pengguna terbeban," katanya.



Perkhidmatan kesihatan asas atau paling minimum perlu diberikan kepada semua khususnya golongan yang kurang berkemampuan. - Gambar hiasan

Selain itu, beliau dalam masa sama berharap agar Fomca turut dilibatkan dalam perbincangan untuk mewujudkan produk asas insurans kesihatan serta takaful seperti yang dirancang.

Untuk rekod Kerajaan negeri Selangor melalui Menteri Besar Selangor Pengerbadaan (MBI) kira-kira dua tahun lalu memperkenalkan Skim INSAN Takaful

yang menyediakan pelan perlindungan kepada tiga juta rakyat negeri itu. Ia melibatkan nilai perlindungan berjumlah RM30 bilion dengan kos sebanyak RM9.54 juta.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, skim itu merupakan kesinambungan daripada Skim INSAN konvensional diperkenalkan tahun lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO MISC LOKAL 13/3/2025 (KHAMIS)

Kilang vape serik upah Pati jadi operator

Kuala Lumpur: Selepas diserbu dan dikompaun ber-jumlah ratusan ribu ringgit tahun lalu, sebuah kilang rokok elektronik atau vape di Jalan Shamelin, di sini, tidak lagi menggajikan pendatang asing tanpa izin (Pati).

Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala

Lumpur Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff berkata, hasil pemeriksaan malam mendapati, kesemua pekerja warga asing di premis berkenaan memiliki permit kerja sah.

"Kita laksanakan pemeriksaan rutin membabitkan warga asing menerusi Inspektorat Penguatkuasa-

an bagi memastikan suasananya lebih selamat di Kuala Lumpur.

"Keseluruhannya, seramai 114 individu diperiksa terdiri daripada 105 warga Bangladesh, lima Myanmar, masing-masing dua India dan Pakistan," katanya ditemui di lokasi.

Difahamkan, kilang vape berjenama tempatan terbit bit pernah diserbu kira-kira setahun lalu dengan puluhan pekerja warga asing ditahan atas pelbagai kesalahan.

Tinjauan di lokasi mendapati, persekitaran kerja warga asing di kilang berkenaan dalam keadaan bersih, selesa dan kondusif.



ANGGOTA JIM meninjau pekerja warga asing di sebuah kilang rokok elektronik di Pandan Perdana, Ampang.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : SUARA SINAR



Nota Di Sebalik Tabir
Bersama MERAK JALANAN

Penyakit anxiety dan perjuangannya menghadapi setiap hari

KALI ini Merak Jalanan nak kongsi kisah seorang rakan. Kalau dilihat dari luaran, rakan Merak Jalanan ini seorang yang tenang dan bahagia, seolah-olah tidak ada masalah dalam dirinya.

Namun, tidak siapa tahu, rupanya dia menghidap anxiety. Dengar macam biasa-biasa sahaja, tetapi hakikatnya penyakit ini boleh menyebabkan hidup menjadi kacau bilau, daripada sekecil-kecil perkara sampailah ke tahap rasa macam nak mati.

Cerita rakan Merak Jalanan ini, per-

nah satu masa dia sedang menyiapkan tugasan penting di pejabat, tiba-tiba dadanya rasa ketat, tangan berpeluh-peluh. Kepala pula ligat memikirkan bermacam-macam. Padahal, tak ada apa-apa berlaku pun.

Menurut rakan Merak Jalanan ini, perasaan *overthinking* ibarat makanan hariannya. Lagi teruk kalau kena buat pembentangan depan orang ramai. Lutut menggigil, suara terketar-ketar.

Mendengar kisah rakan ini, barulah Merak Jalanan tahu penyakit anxiety ini bukan perkara main-main. Boleh diibaratkan seperti 'hantu yang tak nampak, tapi wujud'.

Mengganggu tidur, cepat penat, susah fokus dan kadang-kadang jadi panas baran tanpa sebab, itu antara simptom-simptom seseorang diserang anxiety. Orang sekeliling mungkin tak faham apa yang dialaminya.

Tapi setiap masalah ada jalan keluarnya. Rakan Merak Jalanan ini mula mengambil langkah kecil bercakap dengan kawan yang memahami, berjumpa kaunselor dan perlahan-lahan mengenali punca anxiety.

Paling penting, kata kawan Merak Jalanan ini, selain berhenti mengambil minuman kafein, dia sudah mula kurang melayari media sosial dan kembali dekatkan diri dengan ajaran Islam.

Nasihat rakan Merak Jalanan ini, kalau ada masalah, janganlah simpan seorang diri, sebaliknya carilah bantuan. Penyakit bukan penamat cerita, ia cuma sebahagian perjalanan dan kita semua berhak rasa bahagia.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

THE SUN M/S4 NATIONAL 13/3/2025 (KHAMIS)

Rising obesity rates fuel surge in kidney disease

➤ Physician warns lifestyle changes and early intervention crucial to preserving renal function

■ BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Food is central to life in Malaysia, but excessive consumption of unhealthy food is fuelling a worrying rise in kidney failure cases.

In conjunction with World Kidney Day today, experts are calling for urgent action to address the increasing prevalence of obesity-related chronic kidney disease (CKD) in Malaysia.

Sunway Medical Centre consultant nephrologist and kidney transplant physician Prof Dr Wong Hin Seng warned that obesity alone – even in the absence of diabetes or hypertension – can cause irreversible kidney damage.

“The National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 reports that 54.4% of Malaysians are overweight or obese, with over two million affected by non-communicable diseases such as diabetes and hypertension.

“In Malaysia, 56% of new dialysis cases are caused by diabetes, followed by hypertension at 30%, according to the Malaysian Dialysis and Transplant Registry 2023, highlighting a serious kidney disease concern,” he said.

Wong explained that obesity strains the kidneys through chronic inflammation, oxidative stress, increased blood pressure and insulin resistance, leading to protein leakage in urine, an early sign of kidney damage.

For those already struggling with obesity, kidney disease can go undetected for years, especially among young people.

The NHMS study also revealed that 84% of adults aged 18 to 24 are unaware they have diabetes.

“Obesity increases the risk of CKD and accelerates its progression. When the kidneys



Wong said obesity strains the kidneys through chronic inflammation, oxidative stress, increased blood pressure and insulin resistance, leading to protein leakage in urine, an early sign of kidney damage.

– SYED AZAHAR SYED OSMAN/THESUN

are under constant stress, they fail faster,” he said.

“If you’ve been obese since childhood or your teenage years, the negative impact on your kidneys may already have started. You could be facing CKD by your 30s or 40s,” he said.

Wong attributed Malaysia’s rising obesity rates to major shifts in dietary habits and lifestyle choices.

He noted that traditional diets have increasingly been replaced by processed foods and sugary drinks, coinciding with a decline in physical activity.

“Kids used to play outside, but now screens dominate their lives. Adults are also leading more sedentary lifestyles, spending hours in

front of computers or TVs,” he said.

Wong advised that early intervention against obesity, along with regular health screenings, can help prevent kidney disease.

Kidney function and urine protein tests can detect problems early, especially in those who are overweight or diabetic.

“By addressing obesity and prioritising kidney health, Malaysians can build stronger, healthier futures.

“Obesity isn’t just about weight – it’s about what it does to our organs, especially the kidneys.

“Our kidneys work 24/7, and it’s time we gave them the care and attention they deserve,” he said.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN MYS NASIONAL 13/3/2025 (KHAMIS)
Kes abai kanak-kanak autisme

Zayn Rayyan tidak minat, tak ikut arahan juruterapi

Saksi dakwa Allahyarham didiagnosis tahap teruk berdasarkan laporan perubatan

Oleh Suraya Roslan
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Kanak-kanak autistik, Allahyarham Zayn Rayyan Abdul Matin didiagnosis sebagai *receptive and expressive language delay* tahap teruk berdasarkan rekod klinikal terapi pertuturan.

Saksi pendakwaan ke-23, Dr Nur Hanisah Abd Nasir, 37, yang bertugas di Jabatan Otorhinolaryngologi (ORL) (turut dikenali sebelum ini Jabatan ENT) Hospital Sungai Buloh, memberitahu Mahkamah Sesyen, di sini semalam, berdasarkan pemahamannya ketika menyediakan laporan perubatan Zayn Rayyan, kanak-kanak itu tidak berminat dan tidak dapat mengikut arahan diberikan juruterapi pertuturan.

Nur Hanisah yang sudah berkhidmat sembilan tahun di jabatan itu memaklumkan perkara berkenaan ketika sesi pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Nur Sabrina Zubairi pada hari ke-12 prosiding percakapan pertuduhan pengabaian terhadap ibu bapa arwah Zayn Rayyan, Zaim Ikhwani Zahari, 30, dan Ismanira Abdul Manaf, 30, di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh.

Nur Sabrina: Bagaimana ujian pendengaran dijalankan?

Nur Hanisah: Pada 29 Oktober 2019, pesakit ini di bawa ke Klinik Otorhinolaryngologi untuk ujian pendengaran. Hasil ujian percubaan ujian *play audiometry* dan



Ismanira hadir di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Visual Reinforcement Audiometry (VRA) tidak lengkap disebabkan pesakit ini tidak berminat dan tidak dapat mengikut arahan, jadi pesakit ini diberikan tarikh temu janji yang baharu untuk ulang semula ujian pendengaran, namun tiada rekod berikutnya.

Nur Sabrina: Pesakit tidak berminat, boleh jelaskan?

Nur Hanisah: Waktu ujian pendengaran, kita memberi arahan, tetapi pesakit diberi satu patung, jadi kadangkala pesakit tidak berminat bermaksud tidak mengikut arahan dan tidak mahu bermain patung itu dan arahan seperti kalau dengar bunyi letak mainan, tetapi dia (Zayn Rayyan) tidak mahu main dan tidak minat main.

Nur Sabrina: Macam mana spesifiknya Zayn Rayyan tunjuk tidak minat?

Nur Hanisah: Dia langsung tidak mengikut arahan.

Nur Sabrina: Terapi pertuturan ini pesakit didiagnosa sebagai *receptive and expressive language delay*, boleh jelaskan kenyataan doktor?

Nur Hanisah: Untuk terapi pertuturan bukan di bawah skop bahagian pegawai perubatan ENT, tetapi skop terapi pertuturan... na-

mun pihak terapi pertuturan tidak dibenarkan untuk membuat laporan perubatan, jadi saya sebagai pegawai perubatan ENT menulis rekod untuk terapi pertuturan. Jadi pesakit ini didiagnosa sebagai *receptive and expressive language delay* yang mana *severity* (tahap keterukan) adalah *severe* (teruk) berdasarkan pemahaman saya kerana keadaan di waktu menunjukkan jelas perbezaan pesakit sepatutnya ada perbezaan hampir dua tahun, contohnya pesakit berumur dua tahun 10 bulan tetapi tahap bahasa berumur 10 bulan, jadi maksudnya *severe* berdasarkan perbezaan hampir dua tahun keadaan sebenar.

Rekod perubatan

Dalam keterangannya juga, Dr Nur Hanisah mengesahkan dia tidak mengendalikan Zayn Rayyan secara langsung tetapi laporan perubatan untuk pesakit itu dibuat berdasarkan rekod perubatan yang ada.

"Pesakit ini di bawa ke klinik ORL pada 23 September 2019 kerana mengalami jangkitan pada telinga sebelah kanan, sedang dirawat dengan antibiotik.

"Selepas diperiksa didapati pesakit juga mengalami keterlambatan bercakap atau *speech delay* yang mendapat rawatan di Se-

remban dan baharu berpindah ke Selangor dan tidak pasti hasil rawatan dan ujian pendengaran yang dilakukan di Seremban.

"Pesakit diberi temu janji ujian pendengaran dan dinasihatkan untuk melengkapkan penggunaan antibiotik dan pesakit didapati lulus ujian pendengaran bayi baharu lahir pada 2017 di Hospital Sungai Buloh," katanya.

Ketika pemeriksaan balas peguam Haresh Mahadevan yang mewakili kedua-dua tertuduh, Nur Hanisah bersetuju sekiranya wujud elemen pengabaian dan perbuatan penganiayaan terhadap Zayn Rayyan, pastinya laporan perubatan akan menyatakan fakta sebenar kejadian.

Haresh: Untuk kes hari ini (semalam), sekiranya wujud elemen pengabaian dan perbuatan penganiayaan, setuju saya cadangkan sudah tentu nota laporan perubatan akan mencerminkan fakta, betul?

Nur Hanisah: Betul.

Haresh: Doktor menyatakan ibu pesakit diberikan bahan terapi di rumah, betul?

Nur Hanisah: Betul.

Haresh: Jadi ini bermaksud laporan ini menyatakan apa-apa yang boleh membantu arwah Zayn berkaitan pertuturan, ibu dinasihatkan macam mana melakukannya, betul?

Nur Hanisah: Betul.

Mengikut pertuduhan, Zaim Ikhwani dan Ismanira sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap anak mereka berusia enam tahun, didakwa bersama-sama mengabaikannya dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal.

Kesalahan didakwa dilakukan di sekitar Jalan PJU 10/1 Damansara Damai, di sini antara jam 12 tengah hari 5 Disember dan jam 9.55 malam 6 Disember 2023.